

URAL® EFFERVESCENT GRANULES

Sodium bicarbonate/ Sodium citrate/ Citric acid/ Tartaric acid (1.76g/ 0.63g/ 0.72g/ 0.89g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ural®
2. Bagaimana Ural® berfungsi
3. Sebelum mengambil Ural®
4. Cara menggunakan Ural®
5. Semasa menggunakan Ural®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ural®

Ural® digunakan untuk melegakan ketidakselesaan dalam:

- Jangkitan saluran kencing (UTI)
- Kencing sakit

Ia juga digunakan untuk mencegah pembentukan batu ginjal dalam terapi gout.

Bagaimana Ural® berfungsi

Ural® berfungsi sebagai *urinary alkalisier* dengan menaikkan pH kencing yang dapat melarutkan batu asid urik dalam terapi gout serta memberi kelegaan untuk simptom *hyperacidity* (seperti refluks asid).

Sebelum menggunakan Ural®

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Ural® jika:

- Anda mempunyai alahan mana-mana bahan lain ubat Ural® yang disenaraikan pada hujung risalah ini
- Anda mempunyai masalah hati dan buah pinggang.
- Anda sedang mengambil *urinary alkalisier* atau antibiotik jenis *quinolone*

Jangan mengambil Ural® sekiranya mana-mana di atas terjadi pada anda. Jika tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Ural®.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sebelum mengambil Ural® jika anda mengalami mana-mana penyakit, terutamanya:

- Jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- Jika anda mengambil ubat antibiotik jenis *quinolone*

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ia adalah amat penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda baru mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat yang didapati tanpa preskripsi termasuk ubat herba. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- *Urinary alkalisier* yang lain
- *Chlorpropamide* (digunakan dalam rawatan kencing manis)
- *Lithium* (digunakan dalam rawatan kemurungan)
- *Salicylate* (digunakan sebagai ubat penahan sakit)
- *Amphetamine* (digunakan dalam rawatan kemurungan)
- *Antacid*
- *Tetracycline* atau *Quinolone* (sejenis antibiotik)
- Ubat julap

Sekiranya anda memenuhi mana-mana syarat di atas (atau anda tidak

pasti), berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Cara menggunakan Ural®

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang biasa digunakan adalah 4-8g (1 hingga 2 sachet) dilarutkan dalam air sejuk 4 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dan sentiasa mengambil pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Ural® untuk tempoh masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos yang seterusnya pada masa yang tetap pada hari yang seterusnya. Jika anda bimbang mengenai ini, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil Ural® lebih daripada yang disarankan, berhenti Ural® dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

URAL® EFFERVESCENT GRANULES

Sodium bicarbonate/ Sodium citrate/ Citric acid/ Tartaric acid (1.76g/ 0.63g/ 0.72g/ 0.89g)

Semasa menggunakan Ural®

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Kehamilan dan penyusuan

Tiada kesan yang diketahui dari Ural® pada wanita hamil dan menyusui. Doktor anda akan menentukan sama ada anda sesuai untuk Ural®.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ural® mengandungi 644mg natrium. Jika anda menghadapi tekanan darah tinggi, bincanglah dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan sangat lazim (melibatkan lebih daripada 1 dalam 10 orang):
Cirit-birit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Ural®

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Jangan menggunakan ubat Ural® selepas tarikh luput seperti tertera pada kotak dan sachet selepas “EXP”. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan lebih daripada 30°C.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa buangan air ataupun sisa buangan rumah.

Tanyalah ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat yang tidak lagi diperlukan. Ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Setiap sachet Ural® mengandungi 4g serbuk granul *effervescent* berwarna putih yang boleh dilarutkan dalam air sejuk menjadikan air lutsinar.

Ural® boleh didapati dalam kotak mengandungi 12, 28 sachet. Tidak semua saiz pek akan dipasarkan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Sodium bicarbonate, Sodium citrate, Citric acid, Tartaric acid

- Bahan tidak aktif

Saccharin sodium dan perisa lemon semulajadi

- Nombor MAL:

Ural® Effervescent Granules:
MAL05072037XCR

Pengilang

Aspen Pharma Pty Ltd
286-302, Frankston-Dandenong Rd,
Dandenong South Victoria 3175
Australia

Pemegang Pendaftaran Produk

Abbott Laboratories (M) Sdn. Bhd.
27-02, Level 27, Imazium,
8 Jalan SS21/37,
Damansara Uptown,
47400 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 05/04/2022

Nombor Siri

NPRA(R2/2)220406/864